



**KENYATAAN MEDIA
YAB KETUA MENTERI SABAH**

**PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN
DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN
PENYAKIT BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN
TEMPATAN JANGKITAN) (NO. 7) 2020
SECARA BERPERINGKAT DI NEGERI SABAH**

Pada hari ini, Kerajaan Negeri memutuskan untuk memberi kebenaran bagi aktiviti / sektor seperti berikut:

A. SEKTOR PENDIDIKAN (TASKA)

- (1). Kerajaan Negeri memutuskan untuk memberi kebenaran pengoperasian taska yang berdaftar di bawah Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am mulai 01 Julai 2020.
- (2). Kerajaan Negeri ingin menekankan bahawa kebenaran ini adalah tertakluk kepada pematuhan *Standard Operating Procedure* (SOP) Kementerian Kesihatan Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berwajib.

B. KEBENARAN MEMASUKI SABAH

- (1). Kerajaan Negeri Sabah memutuskan untuk membenarkan pemegang pas-pas yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan keluarganya yang berada di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Labuan untuk masuk ke Sabah bagi tujuan percutian tanpa perlu menjalani ujian calitan COVID-19 (Swab Test) dan kuarantin. Walau bagaimanapun, mereka perlu mengisi Borang Pengisytiharan Kesihatan dan mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS).

- (2). Kerajaan Negeri juga membenarkan semua perjalanan masuk ke Sabah sama ada melalui udara, darat dan laut oleh Pekerja Warga Asing dari Republic of China. Walau bagaimanapun, mereka dikehendaki untuk melakukan ujian calitan COVID-19 di tempat masing-masing dalam tempoh tiga (3) hari sebelum masuk ke Sabah dan disahkan bebas daripada COVID-19. Kebenaran ini juga adalah tertakluk kepada pematuhan *Standard Operating Procedure* (SOP) Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Peraturan-Peraturan Jabatan Imigresen Malaysia (Negeri Sabah) dan Pihak Berwajib yang sedang berkuat kuasa.

Kerajaan Negeri ingin menegaskan bahawa keselamatan dan kebajikan rakyat Sabah merupakan keutamaan Negeri Sabah

Sekian.

YAB KETUA MENTERI SABAH

01 Julai 2020 | 10.00 pagi